

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 October 2015

Jangan hina, aib pemimpin negara – Najib UM-19/10/2015

SHAH ALAM 18 Okt. - Datuk-Seri Najib Tun Razak mengingatkan sege-
linitir pihak supaya tidak menghina
atau mengaibkan pemimpin negara
semata-mata tidak berpuas hati
dengan dasar atau polisi kerajaan
kerana tindakan sedemikian boleh
mencetuskan tindak balas negatif.

Perdana Menteri berkata, seki-
ranya mahu membantah, mereka
boleh menggunakan platform pili-
han raya umum pada setiap lima
tahun untuk memilih mana-mana
pemimpin yang difikirkan lebih

layak menerajui kerajaan.

“Kita berharap juga pihak satu
lagi, jangan pula terlalu biadab. Ingat
kepada undang-undang fizik, sama
juga dengan undang-undang politik.
Setiap tindakan ada reaksi.

“Jika tidak percaya (kepada kera-
jaan), setiap lima tahun kita boleh
buat keputusan yang mana kita
kembali kepada rakyat (untuk me-
nentukan) apabila tiba masa.

“Jangan hina dan memalukan
pemimpin Malaysia. Kita mesti amal-
kan demokrasi matang, mesti per-

caya yang nilai-nilai baik ada kaitan
dengan demokrasi matang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika
berucap merasmikan Persidangan
Perwakilan Nasional Gerakan ke-44
di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, sebagai
contoh apabila keputusannya menolak
Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA),
beliau dikritik hebat sehinggakan Ma-
laysia dilabel sebagai negara polis.

“Tetapi kalau disemak kepada
rekod (pentadbiran) saya, berapa
ramai yang ditahan di bawah ISA

dan berapa pula jumlah semasa
pemimpin terdahulu?

“Ini bukan negara polis tetapi
inilah undang-undang Malaysia,”
tegasnya.

Najib memberitahu, apa yang
penting untuk semua pihak adalah
bersatu padu sebagai rakyat Malay-
sia dalam apa juga keadaan.

“Jangan difikirkan sangat ter-
hadap satu, dua individu tertentu
kerana masa depan negara adalah
berdasarkan sosial kontrak, Perlem-
bagaan Persekutuan.

“Kita akan terus berpegang ke-
pada kepercayaan yang kepelbagaian
etnik, agama dan masyarakat mengi-
kut asas-asas kesederhanaan, wa-
satiyyah dan progresif. Inilah polisi
Barisan Nasional (BN),” tegasnya.

Mengenai Gerakan pula, beliau
mahu setiap ahli parti tersebut
memainkan peranan aktif dalam
media sosial bagi menerangkan ke-
pada umum dasar serta polisi BN
sekali gus dapat menangkis segala
tohman oleh pembangkang atau
pihak tidak bertanggungjawab.